

KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buat Duit Dengan Uber

Semua orang mempunyai kereta, namun tidak semua tahu cara membuat duit dengannya. Selama ini kita hanya menganggap kereta sebagai satu aset liabiliti yang tidak mampu memberi sebarang pulangan. Namun, pada hari ini kereta juga mampu menjana pendapatan. Tambahan lagi, lebih hebat kereta yang dimiliki, lebih tinggi pendapatan yang dapat dijana. Sehubungan itu, PTS Media Group kini tampil dengan sebuah siri buat duit, iaitu *Buat Duit Dengan Uber* untuk tatapan pembaca.

Buku ini memfokuskan bagaimana seseorang itu mampu menjana pendapatan dengan menawarkan servis pengangkutan kepada orang lain. Antara kandungan yang terdapat dalam buku ini adalah *Bagaimana Uber buat duit untuk kita, Mendaftar dengan Uber, Merancang sasaran pendapatan, Membina network dan menyertai geng Uber, Mempelbagaikan sumber pendapatan serta peraturan dan undang-undang yang perlu diketahui*. Topik-topik yang terdapat dalam buku ini dapat memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada sesiapa yang berminat bagi menceburi bisnes Uber ini.

Selain itu, buku ini ditulis kerana masyarakat kini ramai yang memiliki kereta, namun tidak tahu cara bagi memanfaatkannya. Oleh itu, penulis cuba memberitahu mengenai cara menjana pendapatan dengan kenderaan yang dimiliki. Buku ini sesuai dibaca oleh umum terutamanya golongan yang memiliki kereta dan berminat bagi menjana pendapatan lebih dengan menggunakan kereta yang dimiliki.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my